

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan ekonomi di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengukuhkannya.

**JAWAPAN**

Kedudukan ekonomi negara terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 6.4% dalam tempoh suku kedua 2014 (S1 2014: 6.2%) sekaligus merekod pertumbuhan sebanyak 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2014. Pertumbuhan ini adalah yang paling tinggi dalam kalangan negara ASEAN pada tempoh tersebut. Peningkatan ini

dipacu terutamanya oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta diperkukuh oleh prestasi perdagangan luar yang lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif dan perubahan yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan dan berdaya saing sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

1. Kerajaan terus giat mengukuhkan daya saing negara dengan menyediakan persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur yang lengkap bagi melonjak aktiviti pelaburan swasta. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global seperti dalam Laporan *World Bank Doing Business 2014* yang menunjukkan daya saing Malaysia telah meningkat ke kedudukan ke-6 daripada tempat ke-12 pada 2013. Selain itu, Malaysia juga kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi pelaburan langsung asing (FDI), menduduki tangga ke-7 dalam kalangan penerima FDI di Asia menurut laporan yang dikeluarkan oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD).

2. Selain daripada inisiatif sedia ada, Kerajaan telah menambah inisiatif baharu melalui Bajet 2015 bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM273.9 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Peruntukan ini telah mengambil kira langkah-langkah untuk memastikan ekonomi terus berkembang kukuh dan mapan. Antara usaha Kerajaan dalam mengukuhkan pertumbuhan ekonomi termasuk:

- Merancang sektor perkhidmatan dengan melaksanakan *Blueprint* Sektor Perkhidmatan, menyediakan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan, memperkenalkan semula Dana Perkhidmatan Eksport dan mengukuhkan Skim Pembangunan Francais;
- Memperkukuh sektor kewangan Islam dengan memperkenalkan akaun pelaburan patuh syariah untuk membiayai aktiviti usahawan;
- Memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif dengan galakan pelaburan di kawasan yang kurang membangun;
- Menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan lebih bertumpu bagi projek pelaburan berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan;
- Merancang pelaburan awam dan swasta dengan melaksanakan beberapa

projek infrastruktur seperti pembinaan MRT Jajaran Kedua dari Selayang ke Putrajaya dan Projek LRT3 yang menghubungkan Bandar Utama sehingga Shah Alam dan Klang; dan

- Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti melaksanakan *SME Investment Partner* dengan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS.

3. Dalam meningkatkan ekonomi negara, Kerajaan akan memastikan peningkatan ekonomi modal terus memanfaatkan ekonomi rakyat. Lantaran itu, kepentingan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan, kualiti hidup, perumahan, latihan, kemahiran, keusahawanan dan keselamatan juga akan terus menjadi keutamaan Kerajaan disamping merancakkan pertumbuhan ekonomi.

4. Oleh itu, Kerajaan yakin melalui pelbagai langkah yang sedang dan akan dilaksanakan ini, pertumbuhan ekonomi akan kekal kukuh dan mencapai sasaran antara 5.5% hingga 6% untuk tahun 2014 selaras dengan unjuran oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam

*World Economic Outlook (WEO) Oktober 2014* yang mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.9% pada 2014.